

Tarikh Dibaca: 12 September 2016

KHUTBAH 'IDULADHA

Tajuk:

**“IBADAH KORBAN DAN HAJI;
PEMANGKIN KEMERDEKAAN HAKIKI”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal** (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



"IBADAH KORBAN DAN HAJI; PEMANGKIN KEMERDEKAAN HAKIKI"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَيْرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا
مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ لَكُمْ فِيهَا مَنَفِعٌ إِلَى أَجَلٍ
مُّسَمَّى ثُمَّ مَحِلُّهَا إِلَى الْبَيْتِ الْعَتِيقِ¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

¹ al-Hajj:32-33



وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْ صِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَائِبُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Saya menyeru diri saya dan juga sidang hadirin dan hadirat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya orang-orang yang benar-benar berjaya di dunia dan di akhirat kelak hanyalah mereka yang bertakwa kepada Allah SWT.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin dan hadirat yang berbahagia sekalian,

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT, kerana pada pagi yang mulia ini kita diberi kesempatan sekali lagi untuk sama-sama merayakan Idul Adha yang penuh barakah ini. Begitu juga kita panjatkan kesyukuran di atas kurnian kemerdekaan negara yang kita sambut ulangtahunnya pada dua minggu yang lalu. Sesungguhnya Idul Adha dan dua ibadah agung yang datang bersamanya iaitu ibadah haji



dan korban, membawa makna besar dalam kehidupan sebagai hamba Allah SWT di atas muka bumi ini. Oleh itu mimbar pada pagi yang penuh barakah ini, ingin mengajak muslimin dan muslimat sekalian, untuk sama-sama menghayati khutbah Idul Adha yang bertajuk "**IBADAH QURBAN DAN HAJI PEMANGKIN KEMERDEKAAN HAKIKI**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dikasihi Allah,

Allah SWT telah memerintahkan Nabi Ibrahim AS supaya menyeru seluruh manusia untuk mengerjakan haji di Baitillah al-Haram. Dengan seruan tersebut maka datanglah para jemaah dari seluruh pelusuk dunia untuk mengerjakan ibadah haji pada setiap tahun, supaya mereka dapat menyaksikan berbagai manfaat dan pelajaran yang mengandungi banyak hikmah di sebalik pensyariatannya bagi manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 27-28;

وَأَدِنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ
كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ
لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ
مَعْلُومَتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقُهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فَكُلُوا
مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَآءِسَ الْفَقِيرَ



“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji, nescaya mereka akan datang kerumah-Mu (Baitullah) dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus (kerana lamanya perjalanan), yang datangnya dari pelbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh. Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah pada hari-hari tertentu, kerana penguriaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternakan (untuk dijadikan korban). Dengan yang demikian makanlah kamu daripada (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah yang fakir miskin”.

الله أَكْبَرُ، اللَّه أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin dan hadirat jemaah Idul Adha sekalian,

Sesungguhnya dalam ibadah korban dan haji yang merupakan syiar ibadah umat Islam setiap kali tibanya bulan Zulhijjah, terdapat banyak hikmah dan pelajaran bagi melahirkan manusia yang bebas merdeka mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Ibadah qurban dan haji mengajar kita supaya memerdeka dan membebaskan diri dari sebarang unsur syirik dengan mengikhlaskan pengabdian sepenuhnya kepada Allah Pencipta sekalian alam. Ketahuilah bahawa hanya ibadah korban yang dilakukan dengan penuh keikhlasan dan ketakwaan yang sebenar sahaja yang akan dapat menggapai keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 37;



لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ
الْتَّقْوَى مِنْكُمْ

“Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredhaan) Allah, tetapi ketakwaan atau keikhlasan dari kamulah yang dapat mencapainya”.

Dalam ibadah haji pun demikian juga, sesiapa yang mengerjakannya dengan penuh keikhlasan, bukan untuk menunjuk-nunjuk dan mendapat sanjungan kawan taulan, dia akan lahir sebagai seorang manusia yang bebas merdeka dari sebarang dosa. Imam al-Bukhari meriwayatkan sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda,

مَنْ حَجَّ لِلَّهِ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ
كَيْوَمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

“Siapa yang mengerjakan haji kerana Allah lalu tidak berkata-kata keji dan tidak berbuat kefasikan kembalilah ia tanpa dosa sebagaimana ketika ia dilahirkan oleh ibunya.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian;

Bagi mengisi kemerdekaan diri kita, yang telah berikrar mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT semata-mata, maka segala amalan dan tindakan kita dalam kehidupan ini mestilah menepati dengan syariat Islam,



yang merupakan satu-satunya perlembagaan hidup yang disediakan oleh Allah SWT untuk hamba-Nya yang merdeka.

Sebab itulah, dalam penyembelihan korban, Allah SWT telah menetapkan cara atau peraturan yang mesti dipatuhi. Jika panduan dan peraturan tersebut tidak dipatuhi dan perlaksanaannya dilakukan sesuka hati, maka sembelihan tersebut tidak menjadi ibadah korban yang diterima oleh Allah SWT.

Al Barra' bin 'Azib RA mengatakan bahawa Nabi SAW bersabda,

مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَنَسَكَ نُسُكَنَا فَقَدْ أَصَابَ
النُّسُكَ، وَمَنْ نَسَكَ قَبْلَ الصَّلَاةِ فَإِنَّهُ قَبْلَ
الصَّلَاةِ، وَلَا نُسُكَ لَهُ

“Siapa yang solat seperti solat kami dan menyembelih korban seperti korban kami, maka ia telah mendapatkan pahala korban. Sesiapa yang menyembelih korban sebelum salat Idul Adha, maka ia hanyalah seperti sembelihan yang ada sebelum solat dan ia tidak dikira sebagai korban”.

(Riwayat al-Bukhari).

Begini juga dalam ibadah haji, Allah SWT memerintah kita supaya mengambil kaedah amalan haji seperti yang diajar oleh Rasul SAW. Hadis daripada Jabir Bin Abdullah RA mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda;



لِتَأْخُذُوا مَا سِكَّمْ ، فَإِنِّي لَا أَدْرِي لَعَلَّيْ لَا
أَحْجُّ بَعْدَ حَجَّتِي هَذِهِ

“Ambillah dariku amalan-amalan haji kamu sekalian, kerana sesungguhnya aku tidak mengetahui, mungkin inilah haji terakhirku”.

(Riwayat Muslim).

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin hadirat sekalian,

Sudah menjadi sunnatullah, mana-mana kemerdekaan yang dicapai, sama ada kemerdekaan negara dari penjajah atau kemerdekaan diri dari penjajahan nafsu dan duniawi, sudah pasti ianya menuntut pengorbanan harta, tenaga dan jiwa raga. Dalam ibadah qurban dan haji, kita diperintahkan supaya mengorbankan harta, wang ringgit yang kita sayangi, tenaga dan jiwa raga, demi membuktikan kemerdekaan kita yang sebenar dari belenggu duniawi kepada pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT dan supaya dapat mengecapi kebahagian yang hakiki. Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 111;

إِنَّ اللَّهَ أَشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ
وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ...

“Sesungguhnya Allah Telah membeli daripada orang yang beriman, jiwa dan harta benda mereka dengan memberikan syurga kepada mereka”.



Sesungguhnya Idul Adha yang kita rayakan pada hari ini dan ibadah haji dan korban yang umat Islam laksanakan saban tahun, mengimbau kembali sejarah pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS dan keluarganya. Nabi Ibrahim AS telah diperintahkan oleh Allah SWT supaya mengorbankan anak kesayangannya Nabi Ismail Alaihima Salam yang akhirnya digantikan dengan seekor Kibash. Sebelum itu, Nabi Ibrahim AS diperintahkan oleh Allah supaya tinggalkan Isteri dan anaknya Ismail Alaihima Salam di Mekah, negeri yang kering kontang agar kembali ke Palestin meneruskan perjuangan memerdekakan manusia dari belenggu syirik kepada tauhid dan pengabdian diri kepada Allah SWT semata-mata. Demi menjunjung perintah Allah SWT, Nabi Ibrahim dan keluarganya AS akur dengan perintah tersebut dan berjaya mengharunginya dengan cekal hati dan kesabaran yang tinggi.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Inilah pengajaran yang paling besar yang perlu diteladani dan dihayati oleh umat Islam hari ini, supaya mereka lahir sebagai seorang manusia yang bebas merdeka mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Sesungguhnya, wahai muslimin dan muslimat sekalian, kemerdekaan inilah merupakan intipati perjuangan dan ajaran para rasul terdahulu dan disambung oleh nabi kita Muhammad SAW dan para pejuang Islam sepanjang zaman. Benarlah ungkapan sahabat Nabi, Rub'ei bin 'Amir RA kepada Rostum panglima tentera Parsi, ungkapan tegasnya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT telah mengutus kami untuk mengeluarkan sesiapa yang ia kehendaki dari memperhambakan diri sesama manusia kepada mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata, dan dari



kazaliman agama-agama dan sistem-sistem kehidupan kepada keadilan Islam, dan dari kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat”.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقْهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ وَ
أَسْلِمُوا وَدَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ



“Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya), supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurnian-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat”.

(al-Hajj:34).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ
أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِلإِسْلَامِ بِرَحْمَتِهِ
وَكَرَمِهِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلَهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا
وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Dalam kita mengerjakan ibadah korban, kita diperintahkan memilih binatang ternakan yang paling baik untuk kita korbankan kerana Allah SWT. Binatang yang terlalu kurus, cacat atau sakit tidak sah dibuat korban, kerana Allah adalah Tuhan yang maha indah lagi maha baik dan tidak akan menerima daripada hamba-Nya melainkan sesuatu yang baik. Dikala menyembelih binatang korban pula, kita disunatkan menyebut بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ sebagai mengagungkan Allah dan bersyukur diatas kurniaan rezeki-Nya. Dan setelah selesai menyembelih hendaklah berdoa

اللَّهُمَّ مِنْكَ وَإِلَيْكَ، اللَّهُمَّ تَقْبَلْ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia,

Daging binatang korban pula hendaklah diambil sebahagiannya untuk dimakan oleh orang yang berkorban dan keluarganya, sebahagian lagi disedekahkan kepada fakir miskin; manakala sebahagian yang lain pula dihadiahkan kepada sanak saudara atau jiran tetangga. Semoga Allah



menerima ibadah korban kita semua dan memasukkan kita ke dalam kalangan hamba-hambanya yang benar-benar bertakwa.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا
صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ وَالْأَلْفَ بَيْنَ
قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَانْصُرْهُمْ عَلَى
عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ.



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشَّرِكَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ عِبَادَكَ
الْمُؤْمِنِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ.

اللَّهُمَّ إِنَا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرْكِ الشَّقَاءِ
وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَائِتِ الْأَعْدَاءِ.

اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ
سَلَّاعُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ



العزيز شاه الحاج. اللهم أدم العون والهدایة
وال توفیق، والصیحة والسلامة منك، لولی عهد
سلاعور، تغکو أمیر شاه ابن السلطان شرف
الدین ادریس شاه الحاج فی أمن وصلاح وعافية
بمنك وكرمك يا ذا الجلال والإكرام. اللهم
أطل عمرهما مصلحین للموظفين والرعاية
والبلاد، وبلغ مقاصدهما لطريق الهدى
والرشاد.

Ya Allah Ya Tuhan kami, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.



رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ وَأَدْخَلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ، يَا
عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
دَعْوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ
وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِّي الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.